

TARIKH	30 / 3 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	N 4	RUANGAN	SENTRAL

# Kutipan zakat harta meningkat

Jumlah keseluruhan bagi suku tahun pertama catat RM7,485,254.44

Syamsiah Sahat

**A**YER KEROH: Kutipan zakat harta negeri ini bagi suku tahun pertama tahun ini terus mencatat peningkatan apabila jumlah kutipan keseluruhan sehingga 27 Mac lalu berjumlah RM7,485,254.44, meningkat RM226,143.33 atau 3.12 peratus bagi tempoh sama tahun lalu.

Pengerusi Zakat Melaka (PZM), Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata jumlah pembayar zakat bagi tempoh itu turut meningkat daripada 17,361 orang kepada 18,942 iaitu meningkat 1,581 orang atau 9.11 peratus.

"Ini menunjukkan umat Islam masa kini semakin sedar tanggungjawab mereka membayar zakat supaya lebih ramai golongan tidak berkemampuan dapat dibantu menerusi peningkatan kutipan ini," katanya selepas Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Sektor Korporat 2011 di Pejabat Yang Dipertua Negeri dekat sini, semalam.

Mohd Ali yang juga Ketua Menteri berkata, daripada jumlah kutipan itu, zakat wang simpanan mencatat jumlah kutipan tertinggi iaitu RM3,293,292.9 atau 44 peratus daripada keseluruhan nilai kutipan.

Kutipan zakat perniagaan sehingga Mac berjumlah RM610,655.46 dan sehingga 29 Februari lalu, sebanyak RM3,081,174.42 wang zakat diagihkan kepada asnaf di seluruh negeri melalui Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

"Walaupun agihan kepada asnaf menurun 10 peratus berbanding tahun lalu, ini satu petanda baik bahawa kadar kemiskinan di Melaka semakin berkurangan," katanya.

Pada majlis itu, lapan syarikat korporat membayar zakat perniagaan memabatkan jumlah keseluruhan RM2,324,625.45.

Syarikat terbabit adalah Tabung Haji yang membayar RM1,194,174.71 diwakili Pengerusinya, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (M) Berhad diwakili Ahli Lembaga Pengarah, Datuk Mohd Aini Taib (RM623,812) dan Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Hashim Isa (RM186,474.45).

Lima syarikat lain adalah Telekom Malaysia Bhd (RM160,977), Etiqa Takaful Bhd (RM58,101.46), SME Bank (RM53,708), Hospital Pakar Putra Melaka (RM30,000) dan Melaka Taming Sari Bhd (RM17,377.83).

Pembayaran zakat dibuat wakil syarikat masing-masing kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakub yang mewakili Pusat Zakat Melaka (PZM).



**KETUA** Pegawai Eksekutif Melaka Taming Sari Bhd, Nazary Ahmad (kiri) menyerahkan replika cek kepada Khalil sambil disaksikan Mohd ali, sempena Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan 2011 di Ayer Keroh.